

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2020
2½ jam



SMK SUNGAI MANIK
36000 TELUK INTAN, PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan dan faedah-faedah industri pelancongan kesihatan kepada negara kita. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Bersesuaian dengan langkah transformasi ekonomi negara yang memerlukan pendekatan dan *strategi menyeluruh*, kerajaan melaksanakan usaha sama dalam pelbagai bidang yang menjadi teras ekonomi negara. Kerjasama yang terjalin antara sektor kesihatan dengan sektor pelancongan telah merencanakan industri pelancongan kesihatan, iaitu lebih banyak pelancong dari serata dunia berkunjung ke Malaysia bagi mencari penawar untuk pelbagai masalah kesihatan selain memenuhi agenda pelancongan mereka. Hal ini dipengaruhi oleh faktor kebanyakan hospital di negara ini mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai tahap kualiti perubatan yang tinggi, Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih banyak pelancong kesihatan. Hal ini demikian kerana negara kita sememangnya mampu menyediakan perkhidmatan pelancongan kesihatan yang terbaik dan seterusnya menjadi peneraju industri ini di rantau Asia Tenggara. Kemajuan dalam perkhidmatan perubatan swasta merupakan elemen bernilai tambah yang mempunyai potensi untuk menjadi sumber penjana perkhidmatan tersebut. Selain itu, negara kita mempunyai pakar perubatan antara yang terbaik di dunia. Tambahan pula, caj rawatan di sini lebih murah berbanding dengan negara maju.

Keyakinan pelancong kesihatan terhadap mutu rawatan di negara kita didorong oleh pengiktirafan Kualiti Kesihatan Persatuan Perubatan Malaysia (MSQH) serta standard MS ISO9002. Pengiktirafan tersebut dimiliki oleh pengamal perubatan tempatan yang memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan dengan itu, Malaysia amat sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana terdapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Lebih istimewa, pusat perubatan swasta di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan penginapan kerana kos penginapan hospital bergantung pada pilihan pesakit sama ada mahu memilih penginapan yang mewah atau penginapan yang selesa dengan bayaran yang berpatutan. Para pelancong kesihatan turut mendapat layanan bertaraf dunia daripada pusat perubatan swasta tempatan.

Bagi memperkasakan industri ini agar lebih berdaya saing dan menawarkan perkhidmatan yang relevan dengan keperluan semasa, KKM telah memperuntukkan undang-undang baharu untuk mentadbir penjagaan kesihatan. Usaha penambahbaikan sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada Majlis Kesihatan Malaysia sekali gus akan mempertingkatkan fungsinya. Bagi memastikan jumlah pelancong kesihatan meningkat dalam kadar yang lebih tinggi dari tahun ke tahun, kerajaan mengkaji kemungkinan untuk meminda undang-undang agar dapat membantu pengamal perubatan mempromosikan perkhidmatan mereka di luar negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Sinergi Sektor Kesihatan dengan Pelancongan' oleh Hanafi Timan, *Dewan Ekonomi*, Oktober 2010)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *strategi menyeluruh*. [2 markah]

(ii) Pengarang menyatakan beberapa usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan.

Nyatakan usaha-usaha tersebut.

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak media massa untuk memajukan industri pelancongan kesihatan di negara ini?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh bentang-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

(Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’ oleh Husna Nazri dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen di atas, apakah pesanan bonda kepada Mel?
[2 markah]
- (ii) Seseorang perantau hendaklah melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu di dada.
Pada pendapat anda, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu berhijrah ke bandar?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Hatta, berapa lamanya maka datanglah pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap *akan mengeluari orang Siam*. Seri Bija Diraja dan segala hulubalang sekaliannya dititahkan baginda mengiringkan Bendahara Paduka Raja itu. Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; ialah dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang. Telah sudah lengkap, maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah mengeluari Siam itu, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan segala hulubalang banyak. Maka duduk Siam pun hamper ke Batu Pahat.

(Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *akan mengeluari orang Siam*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan kebijaksanaan Seri Bija Diraja.
[3 markah]
- (iii) Peperangan merupakan suatu peristiwa yang membawa kesan negatif kepada sesebuah negara.
Pada pendapat anda, bagaimanakah dapat mengelakkan peperangan antara dua buah negara?
[3 markah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SANG GEMBALA KUDA

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda dipadang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang adalah kanun
janji kesetiaan dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiringi seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur dipaya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

(Dipetik daripada sajak ‘Sang Gembala Kuda’
oleh Mohd Hashim Othman dalam Antologi
Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, berikan maksud *tak peduli nasib diri setelah kenyang*.

[2 markah]

- (ii) Andaikan anda seorang penggembala kuda. Selain memberikan makan dan minum, nyatakan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk memastikan binatang peliharaan anda berada dalam keadaan yang baik.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) menjalani
- (ii) menjalankan
- (iii) menaiki
- (iv) menaikkan
- (v) menemui
- (vi) menemukan

[6 markah]

- (b) Tukarkan **ayat susunan biasa** di bawah kepada **ayat susunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Program Strategi Kecemerlangan SPM anjuran akhbar harian itu dihadiri oleh ramai murid tingkatan lima.
- (ii) Pasukan forum remaja sekolah kami akan pergi ke Seremban untuk menyertai pertandingan forum remaja peringkat kebangsaan.
- (iii) Sanak-saudara Pak Hashim seronok berjumpa dan berbual mesra semasa sambutan Hari Keluarga yang diadakan di rumahnya baru-baru ini.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Majlis dailog antara guru dengan ibu bapa akan diadakan dalam masa berdekatan untuk membincangkan isu disiplin murid.

- (ii) Ibu bapa seharusnya menggalakkan anak-anak menghadiri kelas tuisyen di sekolah daripada membiarkan mereka berkunjung ke kafe siber untuk melayar Internet.
- (iii) Pada masa ini, harga seunit rumah dibandar-bandar besar terlalu mahal hingga menyukarkan golongan berpendapatan rendah memilikinya.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelbagai insentif-insentif menarik telah disediakan oleh kerajaan untuk menguatkan produktiviti industri kecil dan sederhana.
- (ii) Menteri Kewangan mengingatkan ketua jabatan-ketua jabatan supaya mengamalkan perbelanjaan berhemat dalam keadaan ekonomi yang tidak tenteram pada masa ini.
- (iii) Guru berperanan untuk membentuk generasi yang memahami inspirasi negara dan seterusnya membawa Malaysia ke mercu kegemilangan di masa depan.

[6 markah]

(e) *Nyatakan satu **peribahasa** yang sesuai dengan situasi yang dinyatakan di bawah.*

- (i) Kita mestilah pandai bergaul dengan semua orang walau di mana kita berada.
- (ii) Sazali memiliki bakat dan kebolehan bermain alat muzik daripada ayahnya kerana dahulu ayahnya merupakan seorang ahli kumpulan muzik yang terkenal.
- (iii) Anak muda yang menjadi orang yang diharapkan untuk membangunkan negara pada masa hadapan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Pengarang banyak menerapkan nilai kemanusiaan dalam karyanya bagi menggerakkan cerita.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang berkaitan dengan kebijaksanaan watak dalam novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT